

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 Jun 2009

SOALAN

YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status pelantikan 800 pekerja kontrak di bawah Program CARI yang diperuntukkan di bawah Rancangan Perangsang Ekonomi RM60 billion. Sila nyatakan kaedah pelantikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek CARI yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah bertujuan untuk mengesan golongan terpinggir dan tercicir serta memerlukan bantuan kebajikan agar mendapat bantuan yang sewajarnya. Bagi menjayakan projek ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melantik seramai 800 orang pekerja sambilan sejak bulan Oktober 2008 untuk membantu Pegawai Pembangunan Masyarakat melaksanakan siasatan serta tugas-tugas lain yang berkaitan. Oleh kerana Projek CARI didapati sangat berkesan dalam membantu Kementerian mengesan golongan yang memerlukan, maka Kementerian Kewangan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua diberi peruntukan sebanyak RM21 juta bagi menjayakan fasa kedua projek ini. Fasa kedua Projek CARI melibatkan jumlah pengambilan pekerja sambilan seramai 968 orang daripada bulan April sehingga bulan Disember 2009. Pengambilan Pekerja Sambilan Projek CARI dibuat melalui pengiklanan di Pejabat-pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah serta Pejabat-pejabat Kerajaan yang berdekatan. Calon-calon yang berjaya dipilih menerusi temuduga telah dilantik melalui surat pelantikan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : En. Abdul Rahman bin Abdullah 2) Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pengurusan 4) No. Tel. : 03-26165859 Jawapan Disemak Oleh Jabatan :- 1) Nama : Norani binti Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan 3) Bahagian : Perancangan dan Pembangunan 4) No. Tel. : 03-26165802 Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rahid 2) Jawatan : Ketua Pengarah 3) No. Tel. : 03-26165720 Jawapan Disemak Oleh Kementerian 1) Nama : Dato' Saripuddin bin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

